

HEBAHAN KELULUSAN SECARA *BLANKET APPROVAL* BAGI:

- 1) **PENDAFTARAN PENYEDIA LATIHAN BAHARU BAGI PENYEDIA LATIHAN DI BAWAH SKIM SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL; DAN**
- 2) **PEMBAHARUAN (*RENEWAL*) PENDAFTARAN PENYEDIA LATIHAN DI BAWAH SEMUA SKIM YANG DILAKSANAKAN OLEH PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

Seperti yang kita semua sedia maklum, susulan daripada penularan wabak Pandemik Covid-19, Kerajaan telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020. Ini menyebabkan Kerajaan telah mengarahkan semua premis termasuk premis Kerajaan yang bukan di dalam bidang yang berkepentingan (*essential services*) menutup operasi di pejabat bagi menghalang dan memutuskan rantaian penularan penyakit ini di kalangan orang awam.

Arahan PKP ini mempunyai kesannya yang tersendiri terutamanya sektor swasta di seluruh negara telah terjejas secara langsung dan tidak langsung, termasuklah terdapat syarikat yang terpaksa menghentikan operasi sepenuhnya atau sebahagiannya. Berdasarkan semakan, didapati bahawa PTPK mempunyai penyedia latihan (PL) yang akan tamat tempoh pendaftaran sehingga bulan Julai 2020 ini yang mana dokumen secara *hardcopy* tidak dapat diserahkan oleh PL kepada pegawai PTPK dalam tempoh PKP ini untuk diproses permohonan pendaftaran PL baharu dan pembaharuan pendaftaran PL tersebut.

Berdasarkan Seksyen 33, Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640), sesebuah PL perlu memohon untuk berdaftar dengan PTPK supaya dapat diluluskan di bawah Seksyen 34, Akta yang sama bagi membolehkan pelatih yang mengikuti latihan kemahiran di PL tersebut menerima manfaat pembiayaan latihan kemahiran daripada PTPK. **Kelulusan secara *blanket approval*** akan diberikan untuk membantu meneruskan operasi *core business* PTPK dan memastikan pelatih yang akan atau sedang mengikuti latihan di sesebuah PL masih menerima manfaat pembiayaan latihan kemahiran kerana PL masih di dalam tempoh pendaftaran dengan Perbadanan ini.

Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pendaftaran Penyedia Latihan dan Program Latihan Kemahiran (JIPPL), Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) yang bersidang pada **30 April 2020** telah bersetuju untuk memberikan **kelulusan secara *blanket approval*** seperti yang berikut:

- i. **Pendaftaran Penyedia Latihan (PL) Baharu Di Bawah Skim Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN); dan**
- ii. **Pembaharuan (*Renewal*) Pendaftaran PL Untuk Semua Skim bagi PL yang akan tamat tempoh pendaftaran pada bulan April hingga Julai tahun 2020.**

Walau pun dalam tempoh PKP, langkah proaktif dan inisiatif ini perlu diambil bagi memastikan PTPK dapat meneruskan operasi dengan membantu rakyat di dalam pemberian pembiayaan latihan kemahiran ini.

Syarat-syarat bagi mendapatkan **kelulusan secara *blanket approval*** adalah seperti yang berikut:

1. Pembaharuan (*Renewal*) Pendaftaran PL Untuk Semua Skim

- a. Semua PL **yang tamat tempoh pendaftarannya pada bulan April hingga Julai 2020** akan diberikan kelulusan awal bagi pembaharuan (*renewal*) pendaftaran PL dengan andaian maklumat termasuk alamat, program yang dijalankan, pegawai personel dan lain-lain di PL masih sama;
- b. Pihak PL perlu memaklumkan kepada pegawai PTPK di Cawangan Pendaftaran & Penentusahan (P&P) melalui mel elektronik dan mengemukakan dokumen sokongan jika mempunyai sebarang pertukaran dan perubahan terhadap maklumat PL termasuk alamat, program yang dilaksanakan, pegawai personel dan apa-apa yang berkaitan dengan syarat-syarat pembaharuan (*renewal*) pendaftaran PL dengan PTPK;
- c. **PL masih di dalam tempoh pentauliahan dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK);**
 - i. PL yang telah tamat tempoh pentauliahan dengan JPK tidak layak diberikan kelulusan secara *blanket approval* ini sehingga mendapatkan pentauliahan yang baru / pembaharuan pentauliahan dengan JPK; dan
 - ii. Pihak PL perlu memaklumkan kepada pegawai PTPK di Cawangan P&P melalui mel elektronik dan dilampirkan surat kelulusan pentauliahan JPK yang baharu tersebut untuk diproses sebelum diberikan kelulusan secara *blanket approval* ini.
- d. Operasi PL **bukan sedang dibekukan / digantung** kerana melakukan salah laku (perlanggaran syarat / peraturan yang sedang berkuat kuasa atau kesalahan jenayah di bawah Akta 640) atau **masih tidak membayar yuran yang tidak patut dituntut / diterima** sepertimana yang diminta oleh Cawangan Penguatkuasaan. Jika ada, PL perlu menyelesaikan perkara tersebut terlebih dahulu;
- e. PL perlu **membuat bayaran fi** bagi pembaharuan (*renewal*) pendaftaran PL ini ke **nombor akaun dan bank PTPK yang ditetapkan** serta menghantar **bukti pembayaran fi tersebut dan Borang Bayaran Fi yang telah diisi** kepada pegawai PTPK melalui mel elektronik bayaranfi@ptpk.gov.my untuk

tindakan selanjutnya **dalam tempoh 24 jam dari waktu transaksi bayaran berjaya dilakukan (rujuk Garis Panduan yang dilampirkan);**

- f. Setelah bayaran fi ini disahkan telah diterima oleh PTPK, pemakluman **pemberian kelulusan secara *blanket approval*** ini akan dihantar melalui mel elektronik kepada PL yang terlibat;
- g. Pihak PL perlu menghantar **dokumen lengkap secara *hardcopy*** bagi permohonan pembaharuan (*renewal*) pendaftaran PL ini ke pejabat PTPK **dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh tamat arahan PKP;**
- h. PL boleh dikenakan tindakan **undang-undang berdasarkan kepada kesalahan jenayah di bawah Akta 640** ini sekiranya **didapati melakukan fraud, menyembunyikan fakta, membuat maklumat / dokumen palsu dan lain-lain yang seumpamanya** semasa kelulusan secara *blanket approval* ini diberikan; dan
- i. Pemberian kelulusan secara *blanket approval* ini **akan dibekukan** sekiranya terdapat **syarat-syarat** pembaharuan (*renewal*) pendaftaran PL ini **tidak dipenuhi / lengkap** dan PTPK melalui Cawangan P&P **tidak menerima dokumen lengkap secara *hardcopy*** daripada pihak PL dalam **tempoh 1 (satu) bulan dari tarikh tamat arahan PKP;** dan
- j. PL yang di dalam proses siasatan kerana melakukan kesalahan jenayah di bawah Akta 640 **akan dibekukan sehingga proses siasatan tersebut selesai dan tertakluk kepada keputusan siasatan tersebut.**

2. Pendaftaran PL Baharu di bawah Skim SLDN

- a. Hanya pendaftaran PL baharu yang menjalankan Skim SLDN sahaja diberikan kelulusan secara *blanket approval* ini;
- b. Pihak PL perlu memaklumkan pegawai PTPK di Cawangan P&P melalui mel elektronik maklumat lengkap PL dengan mengemukakan dokumen sokongan seperti surat pentauliahan PL dengan JPK bagi melaksanakan Program SLDN, senarai program yang dilaksanakan, senarai dan kelayakan sebagai pegawai personel, nombor akaun bank dan apa-apa maklumat penting lain berkaitan dengan PL bagi memudahkan urusan dengan PTPK kelak;
- c. **PL masih dalam tempoh pentauliahan dengan JPK;**
 - i. PL yang telah tamat tempoh pentauliahan dengan JPK **tidak layak diberikan kelulusan secara *blanket approval*** ini sehingga mendapat pentauliahan yang baharu dengan JPK; dan

- ii. Pihak PL perlu memaklumkan kepada pegawai PTPK di Cawangan P&P melalui mel elektronik dan dilampirkan **surat kelulusan pentauliahan JPK yang baharu** tersebut untuk diproses sebelum diberikan kelulusan secara *blanket approval* ini.
- d. PL **bukan sedang dibekukan / digantung** kerana melakukan salah laku (perlanggaran syarat / peraturan yang sedang berkuat kuasa atau kesalahan jenayah di bawah Akta 640) atau **masih tidak membayar yuran yang tidak patut dituntut / diterima** sepertimana yang diminta oleh Cawangan Penguatkuasaan. Jika ada, PL perlu menyelesaikan perkara tersebut terlebih dahulu;
- e. PL perlu **membuat bayaran fi** bagi pembaharuan (*renewal*) pendaftaran PL ini ke **nombor akaun dan bank PTPK yang ditetapkan** serta menghantar **bukti pembayaran fi tersebut dan Borang Bayaran Fi yang telah diisi** kepada pegawai PTPK melalui mel elektronik bayaranfi@ptpk.gov.my untuk tindakan selanjutnya **dalam tempoh 24 jam dari waktu transaksi bayaran berjaya dilakukan (rujuk Garis Panduan yang dilampirkan)**;
- f. Setelah semakan maklumat pentauliahan PL dengan JPK melalui **Sistem Pengurusan Integrasi Kemahiran Malaysia (MSPIKE)** dilakukan dan **bayaran fi ini disahkan telah diterima** oleh PTPK, pemakluman **pemberian kelulusan secara *blanket approval*** ini akan dihantar melalui mel elektronik kepada PL yang terlibat;
- g. Pihak PL perlu menghantar **dokumen lengkap secara *hardcopy*** bagi permohonan pendaftaran baharu atau pembaharuan (*renewal*) pendaftaran PL ini ke pejabat PTPK **dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh tamat arahan PKP**;
- h. PL boleh dikenakan tindakan **undang-undang berdasarkan kepada kesalahan jenayah di bawah Akta 640** ini sekiranya **didapati melakukan fraud, menyembunyikan fakta, membuat maklumat / dokumen palsu dan lain-lain yang seumpamanya** semasa kelulusan secara *blanket approval* ini diberikan;
- i. Pemberian kelulusan secara *blanket approval* ini **akan dibekukan** sekiranya terdapat **syarat-syarat** pendaftaran PL baharu ini tidak dipenuhi / lengkap atau PTPK melalui Cawangan P&P **tidak menerima dokumen lengkap secara *hardcopy*** daripada pihak PL dalam **tempoh 1 (satu) bulan dari tarikh tamat arahan PKP**; dan

- j. PL yang di dalam proses siasatan kerana melakukan kesalahan jenayah di bawah Akta 640 **akan dibekukan sehingga proses siasatan tersebut selesai dan tertakluk kepada keputusan siasatan tersebut.**

Kelulusan ini merupakan salah satu langkah proaktif dan inisiatif yang diambil oleh PTPK kerana ia merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial Perbadanan akibat daripada pandemik yang melanda dunia ini bagi meringankan beban rakyat yang menguruskan PL untuk membantu negara melahirkan lebih ramai pekerja mahir yang diperlukan dengan memberikan latihan kemahiran secara berterusan kepada pelatih.

Oleh yang demikian, semoga *core business* PTPK akan dapat diteruskan seperti biasa walaupun di dalam tempoh PKP kerana latihan kemahiran pelatih dapat dijalankan seperti biasa dengan pemberian pembiayaan latihan kemahiran ini bagi meneruskan usaha untuk membantu negara melahirkan lebih ramai pekerja mahir dan memenuhi keperluan industri.

Daripada :
Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Kementerian Sumber Manusia